

PERSEPSI SISWA PENDIDIK INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS PENDIDIKAN
ISLAM TERHADAP PEMBELAJARAN
ATAS TALIAN

Nur Ain binti Mohd Arifin
nurainhumaira97@gmail.com
Rozita Md Noh, PhD.
rozitamdnoh@gmail.com

Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam

Abstrak

Kajian tinjauan ini bertujuan untuk mengetahui persepsi siswa pendidik Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam (IPG KPI) terhadap pembelajaran atas talian. Seramai 116 siswa pendidik daripada IPG KPI ambilan Jun 2017 telah dipilih sebagai sampel kajian ini. Bagi mendapatkan data-data yang dikehendaki, pengkaji telah menggunakan kajian kuantitatif yang dikumpulkan melalui soal selidik seterusnya dianalisis menggunakan kaedah analisis deskriptif bagi menjawab persoalan-persoalan kajian. Pengkaji menggunakan perisian *Statistical Package for the Sosial Science* (SPSS) Versi 26.0 untuk menginterpretasi dapatan kajian. Hasil kajian mendapati siswa pendidik IPG KPI menunjukkan persepsi yang positif terhadap pembelajaran atas talian dari aspek kemudahan. Hal ini demikian kerana hasil kajian mendapati hanya segelintir siswa pendidik IPG KPI sahaja yang mengalami masalah semasa mengikuti pembelajaran atas talian. Dari aspek kepuasan pula, majoriti siswa pendidik IPG KPI terdorong untuk mengikuti pembelajaran atas talian apabila mereka mendapat sokongan dan dorongan daripada para pensyarah. Dengan adanya sokongan moral daripada semua pihak, hal ini secara tidak langsung mewujudkan sikap-sikap positif dalam kalangan siswa pendidik IPG KPI semasa mengikuti pembelajaran atas talian. Keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan tahap kebolehpercayaan tinggi berdasarkan nilai pekali Alpha Cronbach iaitu 0.89.

Kata kunci: Siswa pendidik, pembelajaran atas talian, persepsi, sokongan, sikap.

Abstract

This survey study aims to find out the perception of trainee teachers of Institute of Teacher Education, Islamic Education Campus (IPG KPI) on online learning. A total of 116 trainee teachers from IPG KPI, the June 2017 intake are selected as the sample for this study. To obtain the relevant data, the researcher uses quantitative data collected through a questionnaire and then analyzes it using a descriptive analysis method to answer the study questions. The researcher uses Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) 26.0 version software to interpret the findings of the study. The result of the study found that the trainee teachers of IPG KPI shows a positive perception of online learning from the aspect of accessibility. This is because the result of the study found that only a handful of trainee teachers of IPG KPI who have problems while following online learning. In the aspect of satisfaction, the majority of trainee teachers of IPG KPI are motivated to join online learning when they get support and encouragement from the lecturers. With the moral support from all parties, this indirectly creates a positive attitude among trainee teachers of IPG KPI to involve in online learning. Overall, the findings of this study indicate a high level of reliability based on the Cronbach Alpha value which is 0.89.

Keywords: trainee teachers, online learning, perception, motivation, attitude.

Kajian ini dijalankan untuk mengetahui persepsi siswa pendidik IPG KPI berkaitan dengan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran secara atas talian rentetan daripada keputusan penutupan Institut Pendidikan Tinggi (IPT) disebabkan oleh pandemik yang melanda negara ketika ini. Kajian ini telah dijalankan keatas 164 siswa pendidik daripada IPG KPI Ambilan Jun 2017 yang mengikuti secara langsung pengajaran dan pembelajaran atas talian. Kajian ini sangat penting untuk mengetahui persepsi

siswa pendidik IPG KPI tentang kaedah baru dalam pendidikan serta merungkai permasalahan-permasalahan yang berlaku sepanjang mengikuti pengajaran dan pembelajaran secara atas talian.

Penyataan Masalah

“Teknologi” merupakan satu terma yang hangat diperkatakan di seluruh dunia. Pada Januari 2020, Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) telah mengisytiharkan situasi pandemik akibat penularan sejenis virus baharu jenis “Corona” yang menyebabkan semua negara telah menutup semua sektor (Ehwan, 2020). Rentetan itu Perdana Menteri Malaysia, Tan Sri Muhyiddin Yassin juga telah mengambil keputusan untuk menutup institusi-institusi pendidikan di Malaysia. Hal ini secara tidak langsung turut mengubah lanskap proses PdPc di IPG KPI.

Namun begitu, menurut laporan akhbar Utusan Malaysia yang bertarikh 20 September 2020, berdasarkan laporan dalam buletin bulanan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) edisi Ogos, bagi jalur lebar mudah alih, Malaysia berada di kedudukan keenam dalam negara ASEAN dengan kelajuan 24.44 Mbps dan tangga ke-85 pada peringkat global. Data ini membuktikan bahawa capaian internet berkelajuan tinggi di Malaysia berada pada tahap yang rendah.

Hal ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa persekitaran pembelajaran norma baharu kurang kondusif untuk dilaksanakan memandangkan pembelajaran atas talian bergantung kepada capaian internet berkelajuan tinggi. Masalah ini mendatangkan kerisauan kepada siswa pendidik IPG KPI yang berada di kawasan tersebut kerana tidak berpeluang mengikuti kelas pembelajaran atas talian dengan lebih baik akibat daripada masalah capaian internet. Lantaran kekurangan kajian yang menfokuskan kepada siswa pendidik IPG KPI berkenaan persepsi siswa pendidik IPG KPI, pengkaji memilih untuk melaksanakan kajian ini bagi melihat persepsi siswa pendidik IPG KPI terhadap pembelajaran atas talian.

Objektif Kajian

1. Mengenalpasti persepsi siswa pendidik IPG KPI terhadap pembelajaran atas talian dari aspek kemudahan.
2. Mengenalpasti persepsi siswa pendidik IPG KPI terhadap pembelajaran atas talian dari aspek kepuasan.
3. Mengenalpasti sikap siswa pendidik IPG KPI terhadap pembelajaran atas talian.

Soalan Kajian

1. Mengenalpasti apakah persepsi siswa pendidik IPG KPI terhadap pembelajaran atas talian dari aspek kemudahan?
2. Mengenalpasti apakah persepsi siswa pendidik IPG KPI terhadap pembelajaran atas talian dari aspek kepuasan?
3. Mengenalpasti apakah sikap siswa pendidik IPG KPI terhadap pembelajaran atas talian?

Tinjauan Literatur

Menyedari kepentingan pembelajaran norma baharu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) terus memacu Gelombang Kedua Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 secara agresif ke arah transformasi pendidikan negara. Maka, perubahan demi perubahan dilaksanakan pada setiap peringkat seperti perkongsian kepakaran, merancang, mengurus, serta menyelaras program dan kandungan pedagogi untuk tujuan pembelajaran berasaskan TMK. Pada ketika ini tidak ada satu definisi yang boleh diterima pakai secara menyeluruh berkenaan definisi pembelajaran secara atas talian dengan tepat. Bahkan definisi pembelajaran atas talian kerap dikelirukan dengan definisi lain seperti blended learning, distributed learning dan mobile learning (Yusup, 2012).

Namun begitu, teknologi yang berkembang pesat serta tiada batasan ini telah mencetuskan satu fenomena dalam kalangan penyelidik untuk mengetengahkan pelbagai kajian yang berkaitan dengan pembelajaran atas talian. Fenomena ini turut mendorong KPM untuk menterjemahkan satu definisi berkaitan pembelajaran atas talian. Menurut KPM (2016), pembelajaran atas talian atau e-pembelajaran adalah satu bentuk pengajaran dan pembelajaran yang dikendalikan secara dalam talian melalui sistem rangkaian komputer bertujuan meningkatkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran.

Selain itu, menurut Rosenberg (2002), e-pembelajaran adalah satu sistem berangkaian yang mampu mengumpul dan menyebarkan maklumat serta membolehkan jejak maklumat melalui komputer di samping memfokus kepada persekitaran lebar pendidikan. National American Council for Online Learning (NACOL) pula mendefinisikan e-pembelajaran sebagai kandungan pembelajaran dan pengajaran disampaikan menggunakan teknologi digital seperti teknologi dalam talian atau CD-ROM atau sebarang pengalaman pembelajaran melibatkan komputer (NACOL, 2007).

Menurut Marianne, Linda, Yukie & Austin (2012) dalam kajian yang bertajuk *Understanding the Implication of Online Learning for Educational Productivity*, pembelajaran atas talian merujuk kepada instruksional persekitaran yang disokong oleh internet. Hal ini merangkumi segala jenis aplikasi atau program yang menggunakan jalur lebar internet sebagai perantaraan untuk memudahkan interaksi antara guru dan pelajar.

Melalui takrifan dalam beberapa kajian lampau, jelaslah bahawa pembelajaran atas talian merangkumi teknologi yang menggunakan peranti seperti telefon pintar, komputer riba, CD ROM sebagai sistem penyampaian maklumat yang dapat membantu menghubungkan masyarakat di santero dunia.

Tidak dinafikan bahawa pelaksanaan pembelajaran atas talian sedikit sebanyak memberi kesan terhadap sikap serta emosi siswa pendidik IPG KPI. Kekangan dan cabaran samada disebabkan oleh faktor persekitaran mahupun faktor dalaman menentukan sikap siswa pendidik terhadap pembelajaran atas talian.

Pada masa kini, tidak dinafikan bahawa peranti seperti telefon pintar, komputer riba, tablet dan sebagainya digunakan secara meluas dalam kalangan siswa pendidik IPG KPI. Fungsinya yang mesra pengguna telah mencipta satu inovasi dalam dunia pendidikan melalui pengintegrasian TMK ke dalam PdPc. Hal ini sejajar dengan dasar utama KPM dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010 pada Teras Dua iaitu matlamat untuk membangunkan modal insan yang celik TMK serta mengutamakan peranan dan fungsi TMK dalam pendidikan (Vespanathan, 2015).

Namun begitu, terdapat beberapa cabaran dan kekangan kepada pelajar terutamanya siswa pendidik IPG KPI untuk mengikuti pembelajaran secara atas talian. Maizun (2012) dalam kajian beliau telah menyenaraikan beberapa cabaran yang sering dihadapi oleh pelajar ketika mengadaptasi TMK semasa mengikuti pembelajaran atas talian seperti kekangan keupayaan berinteraksi, kurang motivasi, kekangan dari aspek pengetahuan dan kemahiran diri. Menurut Ehwan (2020), tiga implikasi utama dilihat menjadi cabaran besar kepada pendidik bagi menjalankan pembelajaran secara atas talian, iaitu kebolehcapaian internet dan kestabilan platform pengajaran, pengurusan emosi serta pentaksiran secara holistik.

Justeru, dalam keterujaan masyarakat mengorak langkah ke arah dunia tanpa sempadan, terdapat segelintir masyarakat yang tidak mampu mengejar kepesatan teknologi akibat daripada masalah dan kekangan yang dihadapi oleh persekitaran mereka. Polemik kesihatan global COVID-19 ini memberi kesan secara tidak langsung kepada kesihatan mental masyarakat. Hal ini demikian kerana krisis penularan pandemik Covid-19 telah melumpuhkan ekonomi negara ekoran daripada penutupan pelbagai sektor kerajaan mahupun swasta.

Secara umumnya, World Health Organization (WHO) mentakrifkan kesihatan sebagai keadaan fizikal, mental dan emosi yang sejahtera dan bukan hanya sekadar bebas dari penyakit (Rashid, Nurhafizah & Hamizah, 2020). Perubahan mendadak yang berlaku rentetan daripada Covid-19 turut menjejaskan emosi siswa pendidik IPG KPI yang terpaksa meneruskan pembelajaran secara atas talian.

Pakar Psikologi Klinikal International University of Malaya-Wales, Dr Mimi Fitriana Zain dalam temubual beliau bersama Sinar Harian menjelaskan bahawa pendidikan atau pembelajaran melalui skrin komputer yang terlalu lama akan memberi kesan terhadap kesihatan mental, fizikal, emosi dan juga sosial. (Faznie, 2021). Menurut beliau lagi, 'Screen Exposure' yang berlebihan akan merosakkan keadaan mata secara fizikal dan kemudiannya secara emosi. Perasaan sedih, kecewa serta tertekan akibat daripada perubahan rutin seharian akan memberi impak yang buruk terhadap sikap dan pencapaian siswa pendidik IPG KPI. Dalam hal ini, pembelajaran secara atas talian tidak lagi dilihat sebagai sesuatu yang positif. Hal ini secara tidak langsung akan membawa siswa pendidik IPG KPI kepada masalah-masalah dari segi pengambilan sesuatu keputusan secara terburu-buru.

Dalam konteks ini, tekanan perasaan, kerisauan yang melampau, serangan panik serta kemurungan mungkin dialami oleh segelintir individu sama ada ibu bapa, anak-anak, golongan bekerja mahupun mahasiswa. Justeru, sebelum kemelut ini menjadi lebih parah, semua pihak perlu berganding bahu serta mengorak langkah yang progresif dan proaktif untuk memastikan tahap kesihatan mahasiswa terutamanya siswa pendidik IPG KPI berada pada tahap yang memberangsangkan. Kekurangan, kekangan dan desakan dalam mengikuti pembelajaran atas talian secara tidak langsung mengganggu kesihatan mental siswa pendidik IPG KPI.

Jelaslah bahawa pandemik Covid-19 sememangnya memberi tekanan kepada semua pihak sehingga mencetuskan kebimbangan, kerisauan serta ketakutan yang melampau sehingga membawa kepada masalah kesihatan mental yang akhirnya mempengaruhi sikap siswa pendidik. Oleh itu, bagi mengkaji pemikiran atau persepsi siswa pendidik terhadap pembelajaran atas talian yang akan mempengaruhi sikap siswa pendidik, satu instrumen kajian akan diedarkan kepada siswa pendidik IPG KPI berdasarkan penyelidikan terhadap teori-teori pembelajaran.

Metodologi

Reka bentuk Kajian

Kajian ini merupakan kajian berbentuk deskriptif bagi mengenalpasti dan mengkaji secara empirikal berkaitan persepsi siswa pendidik IPG KPI terhadap pembelajaran atas talian. Kajian ini juga menggunakan reka bentuk kajian tinjauan serta pendekatan kuantitatif bagi mengutip data berkaitan dengan maklumat responden, persepsi serta sikap siswa pendidik IPG KPI semasa mengikuti pembelajaran atas talian. Gambaran tahap persepsi siswa pendidik IPG KPI terhadap pembelajaran atas talian ditentukan melalui skala likert yang disarankan oleh Nunnally & Bernstein (1994). Manakala bagi penganalisan item-item di dalam set soal selidik ini, pengkaji menggunakan perisian Statistical Package for Social Sciences (SPSS) Version 26. Seterusnya, data dianalisis menggunakan kaedah analisis deskriptif seperti frekuensi, min, sisihan piawai dan peratusan.

Pensampelan

Populasi siswa pendidik IPG KPI Ambilan Jun 2017 adalah seramai 164 orang. Kesemua siswa pendidik IPG KPI Ambilan Jun 2017 merupakan populasi yang terlibat secara langsung dengan kaedah pembelajaran atas talian. Manakala sampel dalam kaedah persampelan merupakan subset populasi bagi mewakili keseluruhan populasi. Merujuk jadual penetapan responden oleh Krejcie &

Morgan (1970), sampel yang diperlukan dalam kajian ini adalah seramai 116 orang siswa pendidik IPG KPI Ambilan Jun 2017.

Pengumpulan dan Penganalisan Data

Bagi menjalankan kajian ini, pengkaji menggunakan soal selidik atas talian melalui aplikasi Google Form untuk membina instrumen kajian kemudian mengedarkan soal selidik tersebut kepada responden. Pada peringkat permulaan, soal selidik diedarkan kepada responden yang terlibat dalam kajian rintis untuk menguji ketekalan dan kejitian instrumen. Kajian ini melibatkan 40 orang responden daripada IPG Kampus Darul Aman. Setelah menganalisis nilai pekali Alpha Cronbach dan memastikan kejitian setiap item di dalam set soal selidik, pengkaji kemudiannya mengedarkan soal selidik kepada responden sebenar iaitu terdiri daripada 116 orang siswa pendidik IPG KPI Ambilan Jun 2017.

Dapatan kajian dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for the Social Sciences (SPSS). SPSS merupakan salah satu perisian komputer yang digunakan untuk memproses dan menganalisis data dengan cepat dan tepat. Setelah data dikumpulkan, aktiviti seperti mengatur, memilih, menggabung dan menjadual dilaksanakan untuk membina satu rumusan berkaitan dengan kajian yang dijalankan. Terdapat dua kaedah untuk menganalisis data dalam kajian kuantitatif iaitu deskriptif dan inferensi.

Dalam konteks kajian ini, bagi mengetahui persepsi serta sikap siswa pendidik IPG KPI terhadap pembelajaran atas talian, analisis deskriptif digunakan untuk menentukan nilai frekuensi, min, peratusan serta sisihan piawai. Sehubungan dengan itu, bagi menganalisis data yang diperolehi, pengkaji menggunakan jadual interpretasi skor min yang dikemukakan oleh Nunnally dan Bernstein (1994).

Dapatan Kajian

Kajian ini melibatkan seramai 116 orang siswa pendidik IPG KPI Ambilan Jun 2017. Antara faktor pemilihan responden adalah mereka merupakan siswa pendidik IPG KPI yang terlibat secara langsung dengan pembelajaran atas talian disebabkan oleh arahan penutupan institusi-institusi pendidikan. Berdasarkan data yang diperolehi, seramai 43 orang (37.1%) siswa pendidik lelaki serta 73 orang (62.9%) siswa pendidik perempuan yang terlibat secara langsung dalam kajian ini.

Dapatan kajian ini akan menfokuskan kepada tiga persoalan kajian iaitu apakah persepsi siswa pendidik IPG KPI dari aspek kemudahan, apakah persepsi siswa pendidik IPG KPI aspek kepuasan serta bagaimanakah sikap siswa pendidik IPG KPI terhadap pembelajaran atas talian. Justeru, bagi menjawab persoalan kajian, pengkaji menginterpretasi data yang diperolehi daripada soal selidik yang digunakan kepada 116 responden menggunakan kaedah analisis deskriptif.

Perbincangan dan Cadangan

Berikut merupakan analisis data deskriptif hasil dapatan kajian yang dibuat berdasarkan maklum balas yang diberikan responden.

Jadual 1:

Hasil Analisis Deskriptif Persepsi Siswa Pendidik IPG KPI Terhadap Pembelajaran Atas Talian dari Aspek Kemudahan.

Konstruk	Min	Interpretasi Min	Sisihan Piawai
Jalur Lebar	4.33	Tinggi	0.61

Fleksibiliti	4.18	Tinggi	0.57
Mesra Pengguna	4.46	Tinggi	0.49
Min Keseluruhan	4.33	Tinggi	0.48

Berdasarkan laporan analisis yang dikeluarkan oleh SPSS menunjukkan bahawa secara keseluruhannya persepsi siswa pendidik IPG KPI terhadap pembelajaran atas talian dari aspek kemudahan berada pada tahap yang tinggi iaitu dengan nilai skor min =4.33 dan sisihan piawai =0.48. Berdasarkan jadual interpretasi skor min yang dikemukakan oleh Nunally dan Bernstein (1994), skor min yang bernilai =4.00 keatas berada pada tahap yang tinggi.

Jika ditinjau daripada laporan analisis, nilai min bagi konstruk jalur lebar adalah tinggi. Ini menunjukkan bahawa majoriti siswa pendidik IPG KPI tidak berdepan dengan masalah jalur lebar yang kritikal. Hal ini secara tidak langsung membuktikan bahawa capaian internet yang stabil dapat membantu siswa pendidik menerima dan menghantar tugas tanpa sebarang masalah. Bukan itu sahaja, platform pembelajaran atas talian ini juga menyediakan pilihan yang fleksibel kepada siswa pendidik IPG KPI untuk mengikuti pembelajaran di mana sahaja dan pada bila-bila masa. Jadi, siswa pendidik IPG KPI boleh merancang masa dan jadual belajar mengikut kesesuaian masa.

Kenyataan ini turut disokong oleh kajian yang telah dijalankan oleh Ahmad et.al (2015) yang menyatakan bahawa pembelajaran atas talian memudahkan pelajar untuk berkomunikasi atau membuat perbincangan tanpa perlu menghadiri kelas. Kesimpulannya, sistem serta aplikasi pembelajaran yang dilengkapi dengan ciri-ciri yang menarik, fleksibel, mesra pengguna dan mudah digunakan menjadi pilihan utama siswa pendidik IPG KPI meneruskan pembelajaran norma baharu. Kesimpulannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa siswa pendidik IPG KPI mempunyai pandangan yang positif terhadap aspek kemudahan semasa mengikuti pembelajaran atas talian.

Persepsi Siswa Pendidik Ipg Kpi Terhadap Pembelajaran Atas Talian Dari Aspek Kepuasan

Berikut merupakan analisis data deskriptif hasil dapatan kajian yang dibuat berdasarkan maklum balas yang diberikan responden.

Jadual 2

Hasil Analisis Deskriptif Persepsi Siswa Pendidik IPG KPI Terhadap Pembelajaran Atas Talian dari Aspek Kepuasan.

Konstruk	Min	Interpretasi Min	Sisihan Piawai
Persekitaran	4.36	Tinggi	0.47
Kesihatan Mental	4.13	Tinggi	0.62
Peneguhan	4.51	Tinggi	0.51
Min Keseluruhan	4.33	Tinggi	0.42

Sehubungan dengan itu, jadual di atas merupakan data yang telah dianalisis bagi menjawab persoalan kedua. Dapatan mendapati bahawa responden menunjukkan kepuasan yang tinggi terhadap pembelajaran atas talian. Hal ini dapat dilihat berdasarkan nilai min yang tinggi bagi setiap konstruk dalam aspek kepuasan yang membawa kepada min keseluruhan sebanyak =4.33.

Dapatan ini secara tidak langsung menjelaskan bahawa pengalaman pembelajaran yang baik samada dari aspek persekitaran pembelajaran mahupun kesihatan mental bukan sahaja mempengaruhi motivasi siswa pendidik IPG KPI untuk belajar bersungguh-sungguh bahkan dapat memberikan persepsi yang positif terhadap pembelajaran atas talian.

Nidzam, Ainoor & Asmayati (2016) mengatakan bahawa kekurangan prasarana, kemudahan pembelajaran, suasana pembelajaran yang tidak selesa, tidak selamat, dan tidak kondusif terutama di luar bandar merupakan antara faktor yang mempengaruhi pencapaian yang rendah di kalangan pelajar. Sebaliknya, persekitaran pembelajaran yang tenang, selamat dan kondusif dapat meningkatkan produktiviti pembelajaran yang berkesan. Jelaslah bahawa suasana pembelajaran yang selesa berupaya menggalakkan lagi penyertaan siswa pendidik IPG KPI dalam aktiviti pembelajaran seterusnya dapat meningkatkan kecemerlangan pencapaian siswa pendidik IPG KPI.

Secara keseluruhan, persepsi siswa pendidik IPG KPI terhadap pembelajaran atas talian dari aspek kepuasan berada pada tahap yang tinggi iaitu dengan nilai min =4.33, sisihan piawai =0.42.

Sikap Siswa Pendidik Ipg Kpi Terhadap Pembelajaran Atas Talian

Berikut merupakan analisis data deskriptif hasil dapatan kajian yang dibuat berdasarkan maklum balas yang diberikan responden.

Jadual 3

Hasil Analisis Deskriptif Sikap Siswa Pendidik IPG KPI Terhadap Pembelajaran Atas Talian.

Konstruk	Min	Interpretasi Min	Sisihan Piawai	
Kesungguhan	4.26	Tinggi	0.53	Berdasarkan pemerhatian dan
Keterbukaan Minda	4.13	Tinggi	0.69	
Min Keseluruhan	4.19	Tinggi	0.56	

analisis yang terperinci tentang bagaimana sikap siswa pendidik IPG KPI terhadap pembelajaran atas talian, pengkaji mendapati bahawa majoriti siswa pendidik IPG KPI Ambilan Jun 2017 menunjukkan sikap yang baik dan berusaha untuk meneroka pelbagai aplikasi untuk tujuan pembelajaran atas talian.

Menurut Amiruddin & Khaizer (2019), kesungguhan siswa pendidik IPG KPI memanfaatkan pembelajaran secara atas talian semaksima yang mungkin dapat dilihat apabila siswa pendidik IPG KPI berinisiatif tinggi untuk menyiapkan kesemua tugas yang diberikan oleh para pensyarah. Hal ini menunjukkan bahawa ciri-ciri pembelajaran atas talian yang menarik dan efektif mendorong siswa pendidik IPG KPI meneroka sendiri ilmu pengetahuan tanpa sempadan.

Selain itu, penerokaan maklumat mahupun kajian daripada pelbagai negara dapat diakses dengan lebih cepat dan mudah kerana semua maklumat berada di hujung jari. Hal ini yang menjadikan pembelajaran atas talian lebih sistematik. Malahan, pembelajaran atas talian menjadi pilihan utama sektor pendidikan negara dalam meneruskan pembelajaran norma baharu.

Jelaslah bahawa, kepelbagaian fungsi dan aplikasi web untuk tujuan pendidikan membantu siswa pendidik IPG KPI meneruskan pembelajaran dengan lebih baik. Hal ini dapat dibuktikan dengan nilai min keseluruhan yang tinggi iaitu skor min=4.19.

Kesimpulan

Kesimpulannya, siswa pendidik IPG KPI Ambilan Jun 2017 menunjukkan persepsi dan sikap yang positif terhadap pembelajaran atas talian, kepelbagaian fungsi pembelajaran atas talian menjadikan proses PdPc lebih mudah, sistematik dan efektif terutamanya semasa pandemik Covid-19 melanda negara kita. Bukan itu sahaja, pendekatan pembelajaran norma baharu ini juga memberi ruang yang lebih luas kepada siswa pendidik IPG KPI untuk meneroka aplikasi-aplikasi pembelajaran atas talian. Hal ini secara tidak langsung dapat melatih kemahiran TMK dalam kalangan siswa pendidik IPG KPI.

Walaupun begitu, kajian yang dijalankan ini hanya terbatas kepada siswa pendidik IPG KPI Ambilan Jun 2017 sahaja. Diharapkan kajian akan datang dapat diperluaskan ke seluruh IPG-IPG yang terdapat di Malaysia. Hal ini sangat penting untuk melihat persepsi-persepsi siswa pendidik IPG di seluruh Malaysia secara keseluruhan. Jadi, berdasarkan dapatan kajian seterusnya, kita dapat melihat gambaran yang lebih jelas tentang persepsi siswa pendidik IPG terhadap pembelajaran atas talian sekaligus dapat membantu IPGM membuat penambahbaikan bagi meningkatkan mutu PdPc di IPG-IPG.

Rentetan itu, dengan segala kemudahan yang ada samada dari aspek sosioekonomi, persekitaran, kemudahan mengakses bahan pembelajaran mahupun kemahiran menggunakan TMK, siswa pendidik IPG KPI seharusnya lebih kreatif, kritis dan proaktif semasa mengikuti pembelajaran atas talian. Hal ini demikian kerana matlamat dan tujuan pembelajaran atas talian adalah sama dengan matlamat pembelajaran bersemuka. Pembelajaran norma baharu juga membuka ruang dan peluang kepada siswa pendidik IPG KPI meneroka pelbagai aplikasi untuk pendidikan. Atas dasar itulah, siswa pendidik IPG KPI seharusnya berusaha bersungguh-sungguh untuk meningkatkan kualiti pembelajaran masing-masing.

Rumusannya, pembelajaran atas talian dilaksanakan secara meluas setelah berlakunya krisis Covid-19. Seiring dengan peredaran masa, pembelajaran atas talian menjadi pilihan utama sektor pendidikan terutamanya institusi-institusi di bawah KPM. Justeru, semua pihak samada para pensyarah mahupun siswa pendidik perlu bersedia dari segi kemahiran menggunakan TMK mahupun penerokaan pelbagai aplikasi yang tersedia bagi memantapkan lagi pembelajaran secara atas talian.

Rujukan

- Ahmad et.al. (2015). Kesediaan Dan Kesedaran P&P Berasaskan Cidos Di Politeknik. Prosiding Seminar Kebangsaan Transformasi Pendidikan Teknikal (MyTEDT10). Hotel Emerald Puteri, Sungai Petani, Kedah.
- Amiruddin & Khaizer (2019). Meneroka Impak dan Cabaran Pensyarah Terhadap Pelaksanaan e-pembelajaran di Kolej Vokasional Zon Tengah, Malaysia. The 5th International Conference on Educational Research & Practice (ICERP) 2019 Educating the Digital Society : Intregating Humanistic and Scientific Values. Palm Garden Hotel, Putrajaya.
- Connelly & L. M. (2008). Pilot Studies. *Medsurg Nursing*. 17(6). 411-2
- Ehwan (2020). *Covid-19: Implikasi Pengajaran dan Pembelajaran Atas Talian*. Retrieved from <https://www.usim.edu.my/news/in-our-words/covid19-implikasi-pengajaran-dan-pembelajaran-atas-talian/>.
- Isaac, S. & Michael, W. B. (1995). *Handbook in Research and Evaluation*. CA: Educational and Industrial Testing Services. San Diego.
- Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. (1970). Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*. 30 (3). 607-610.
- Maizun (2012). *Learning Skills for Open Distance Learning*. Laporan Projek. Open University Malaysia.
- Nidzam, Ainoor & Asmawati (2016). Kesesuaian Persekitaran Pembelajaran, Interaksi Guru-Pelajar, Komitmen Belajar dan Keselesaian Pembelajaran dalam Kalangan Pelajar Biologi. *Jurnal Pendidikan Sains & Matematik Malaysia*. 6(1).101-120.
- Rashid, Nurhafizah & Hamizah (2020). Wabak Covid-19: Pengurusan Aspek Kesihatan Mental Semasa Norma Baharu. *International Journal of Social Science Research (IJSSR)*. 2 (4), 156-174.
- Rosenberg, M. (2002). *E-learning strategies for delivering knowledge in the digital age*. Mc Graw Hill. New York.
- Suruhanjaya Komunikasi & Multimedia Malaysia (2020). *Internet Users Survey 2020*. Cyberjaya. Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia.
- Utusan Malaysia (2020). *Capaian Internet Lemah, Malaysia di Belakang Myanmar*. Retrieved from <https://www.utusan.com.my/berita/2020/09/capaian-internet-lemah-malaysia-di-belakang-myanmar/>

